

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING**

**KAWASAN : BINTULU**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 18 18**

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- (a) berapa jumlah bajet tahunan diperuntukkan kepada pejabat luar negara untuk agensi seperti MATRADE dan MIDA sejak tahun 2010 hingga 2015 bagi tujuan penggalakan perdagangan dan pelaburan terutamanya di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan; dan
- (b) apakah piawaian yang digunakan oleh MATRADE dan MIDA untuk menilai jumlah perdagangan atau pelaburan di setiap negara dalam menyediakan laporan tahunan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Visi utama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan dan antara negara dagangan yang paling kompetitif di peringkat global menjelang tahun 2020. Visi tersebut akan dilaksanakan melalui langkah-langkah strategik Kementerian ini dan agensi-agensinya antaranya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), termasuk pejabat-pejabat agensi tersebut di luar negara.

Fungsi utama pejabat MIDA luar negara ialah untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan terutama pelaburan yang berkualiti, berteknologi dan bernilai tambah tinggi serta berdasarkan pengetahuan.

Manakala, pejabat MATRADE di luar negara bertanggungjawab antara lainnya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mempromosi eksport barang dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran luar negara. Selain itu, pejabat MATRADE di luar negara turut membantu menghubungkan syarikat-syarikat asing dengan pembekal produk dan perkhidmatan tempatan sama ada di dalam atau di luar negara.

Bagi tempoh 2010-2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM302.6 juta kepada MIDA dan RM312.5 juta kepada MATRADE, untuk tujuan perbelanjaan operasi termasuk aktiviti mempromosi Malaysia sebagai salah satu pusat pelaburan dan perdagangan utama dunia.

Daripada jumlah tersebut, purata jumlah peruntukan untuk tahun 2010-2015 adalah seperti berikut:

- RM8.9 juta untuk MIDA dan RM1.3 juta untuk MATRADE di Jepun;
- RM1.9 juta untuk MIDA dan RM0.94 juta untuk MATRADE di Korea Selatan; dan
- RM1.5 juta untuk MIDA dan RM0.032 juta untuk MATRADE di Taiwan.

Tuan Yang Dipertua,

Laporan tahunan yang disediakan oleh MATRADE dan MIDA adalah hasil analisa menyeluruh prestasi perdagangan dan pelaburan berdasarkan kepada:

- data pelaburan dalam projek-projek yang diluluskan berdasarkan komitmen atau cadangan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih; dan
- statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk jumlah perdagangan.

Selain itu, MATRADE dan MIDA turut merujuk kepada sumber-sumber rasmi tempatan dan antarabangsa seperti:

- Laporan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi;
- Laporan *World Trade Organisation* (WTO), *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD), Bank Dunia dan *International Monetary Fund* (IMF);
- Statistik-statistik rasmi negara-negara tertentu antaranya seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, ASEAN, China, India dan Eropah Tengah; dan
- Pejabat Peserujuhjaya Perdagangan MATRADE di luar negara.